

HUBUNGAN ANTARA EMPATI DENGAN TINGKAH LAKU PROSOSIAL DALAM KALANGAN MAHASISWA IJAZAH SARJANA MUDA BIMBINGAN DAN KAUNSELING TAHUN PERTAMA DI UNIVERSITI AWAM

The Relationship Between Empathy and Prosocial Behavior among First-Year Undergraduate Students in Guidance and Counseling at a Public University

Nurul Atiqah Ain Bt Mohd Nordin & Norsayyidatina Bt Che Rozubi*

*Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia*

*Corresponding author: sayyidatina@fpm.upsi.edu.my

Published: 10 December 2024

To cite this article (APA): Mohd Nordin, N. A. A., & Che Rozubi, N. (2024). The Relationship Between Empathy and Prosocial Behavior among First-Year Undergraduate Students in Guidance and Counseling at a Public University. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 17, 82–86. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol17.sp3.8.2024>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/bitara.vol17.sp3.8.2024>

ABSTRAK

Tingkah laku prososial merujuk kepada tindakan atau aktiviti yang dilakukan dengan tujuan membantu atau memberi manfaat kepada individu lain tanpa mengharapkan sebarang ganjaran. Salah satu faktor yang boleh menyumbang kepada tingkah laku prososial adalah empati. Kajian ini dilaksanakan dengan tujuan mengenal pasti hubungan antara empati dan tingkah laku prososial dalam kalangan mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Bimbingan dan Kaunseling tahun pertama iaitu di Universiti Awam di UPSI. Mahasiswa tahun pertama program ini dipilih sebagai responden melalui kaedah persampelan rawak mudah. Soal selidik Interpersonal Reactivity Index (IRI) dan *Prosocial Tendencies Measure (PTM)* digunakan untuk mengukur tahap empati dan tingkah laku prososial. Analisis data dalam kajian ini menggunakan korelasi Pearson untuk mengenal pasti hubungan antara empati dan tingkah laku prososial. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat peningkatan dalam tingkah laku prososial yang berkaitan dengan tahap empati yang lebih tinggi dalam kalangan mahasiswa.

Kata Kunci: empati, tingkah laku prososial, kaunseling, mahasiswa

ABSTRACT

*Prosocial behavior refers to actions or activities undertaken with the intention of helping or benefiting others without expecting any reward. One factor that can contribute to prosocial behavior is empathy. This study was conducted to identify the relationship between empathy and prosocial behavior among first-year undergraduate students in the guidance and counseling program at a public university, specifically at UPSI. We selected first-year students in this program as respondents using a simple random sampling method. The Interpersonal Reactivity Index (IRI) and *Prosocial Tendencies Measure (PTM)* questionnaires were used to measure levels of empathy and prosocial behavior. Data analysis in this study utilized Pearson correlation to determine the relationship between empathy and prosocial behavior. The results showed an increase in prosocial behavior associated with higher levels of empathy among students.*

Keywords: empathy, prosocial behavior, counseling, and students.

PENGENALAN

Prosocial adalah istilah yang bertentangan dengan anti-sosial, diperkenalkan oleh seorang ahli sains sosial. Tingkah laku prososial merujuk kepada perbuatan yang bertujuan memberi manfaat kepada individu lain atau lebih, daripada memikirkan kepentingan diri sendiri (Yusof, et al., 2022). Contoh tingkah laku prososial termasuk membantu, mendamaikan, berkongsi, bekerjasama, melaksanakan kebajikan, dan menyertai aktiviti perkhidmatan komuniti (HOU Yongmei et al., 2021). Tingkah laku prososial ini merupakan elemen positif yang perlu dimiliki oleh setiap individu. Empati sering kali tidak terpisah daripada sifat tingkah laku prososial yang ditunjukkan oleh individu. Ini disokong oleh kajian Sukeri, dan rakan-rakan (2021), bahawa tingkah laku prososial kerap dikaitkan dengan ciri empati.

Namun, sikap individualistik yang semakin kuat dalam diri setiap individu menyebabkan ramai yang tidak mengamalkan tingkah laku prososial kerana beranggapan bahawa orang lain akan memberikan bantuan kepada mereka yang memerlukan (Hortensius & Gelder, 2018). Individu yang benar-benar peka terhadap kesusahan orang lain akan segera memberikan bantuan yang sewajarnya. Mahasiswa yang mengambil bidang pendidikan terutamanya dalam bidang bimbingan dan kaunseling tidak asing lagi untuk mempunyai sikap empati dan tingkah laku prososial dalam diri mereka. Menurut Hariko dan rakan-rakan (2023), seorang bakal kaunselor memerlukan sikap dan keterampilan yang baik. Salah satu sikap yang perlu dimiliki oleh bakal kaunselor adalah sikap empati. Hal ini dikatakan demikian kerana sikap empati dapat meningkatkan keyakinan kepada kaunselor dalam menjalani proses sesi kaunseling. Sikap empati juga membantu dalam membentuk komunikasi yang efektif. Oleh itu, mahasiswa perlu mempunyai sifat empati dan tingkah laku prososial serta melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawanan untuk menimba pengalaman dan pengetahuan yang baru serta menerapkan nilai-nilai yang baik dalam diri.

Kemajuan zaman ini dan perubahan sosial yang menjadikan masyarakat mempunyai sikap individualistik dan materialistik manakala sikap altruism terhadap orang lain dalam kesusahan semakin menurun serta tiada pertolongan yang diberikan kepada mereka yang memerlukan bantuan (Sya'bani, 2020). Selain itu, menurut Counseling School (2020), kaunselor dan guru mengalami keletihan empati akibat keperihatinan yang berlebihan terhadap masalah klien. Perkara ini boleh menyebabkan mereka kehilangan minat untuk membantu dan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh klien.

Keletihan empati ini boleh berlaku dalam kalangan profesional yang berurus dengan klien yang mengalami masalah trauma dan emosi yang teruk. Oleh itu, kaunselor juga boleh mengalami kurang empati dan bertingkah laku prososial terhadap klien apabila kurang latihan dan pembangunan serta beban kerja yang banyak. Ada kajian mengatakan bahawa kekurangan latihan dan pengalaman dalam mengendalikan kes-kes yang memerlukan tahap empati yang tinggi boleh menyumbang kepada kurangnya empati dan tingkah laku prososial (Zainudin, et al., 2022). Oleh itu, kajian ini membincangkan hubungan antara empati dengan tingkah laku prososial dalam kalangan mahasiswa ijazah sarjana muda pendidikan Bimbingan dan Kaunseling tahun pertama di UPSI.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan mengkaji hubungan antara empati dengan tingkah laku prososial dalam kalangan mahasiswa ijazah sarjana muda pendidikan bimbingan dan kaunseling tahun pertama di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Kajian ini adalah untuk mengenal pasti hubungan antara empati dengan tingkah laku prososial dalam kalangan mahasiswa ijazah sarjana muda pendidikan bimbingan dan kaunseling tahun pertama di UPSI.

Bagi mengkaji hubungan antara empati dengan tingkah laku sosial persoalan kajian telah dikemukakan berdasarkan objektif kajian iaitu; Apakah hubungan antara empati dengan tingkah laku prososial dalam kalangan mahasiswa ijazah sarjana muda pendidikan bimbingan dan kaunseling tahun pertama di UPSI? Manakala hipotesis nol dibina dalam kajian ini iaitu terdapat hubungan signifikan antara empati dengan tingkah laku prososial dalam kalangan mahasiswa ijazah sarjana muda pendidikan bimbingan dan kaunseling tahun pertama di UPSI.

KAJIAN LITERATUR

Terdapat beberapa teori yang menjelaskan mengenai teori empati. Teori-teori tersebut mempunyai persamaan dan perbezaan di antara satu sama lain. Persamaan yang dapat dilihat dalam beberapa teori empati adalah teori tersebut mendefinisikan empati sebagai kebolehan afektif dan memahami personaliti seseorang dari aspek afektif dan kognitif. Teori Fesbach pula mengatakan bahawa kognitif ialah tindak balas emosi yang dikongsi diantara satu sama lain. Manakala Davis menyatakan selain afektif dan kognitif, psikomotor juga merupakan sebahagian komponen empati. Teori Eisenberg juga mendefinisikan empati sebagai keadaan emosi untuk memahami orang lain dan perbezaannya menurut beliau adalah empati mempunyai empat bentuk respons iaitu *conditioning association*, *labelling*, *retrieving*, *elaborated cognitive network* dan *role taking*. Menurut teori ini juga, Feshbach menjelaskan empati merupakan perkara yang penting yang mendorong tingkah laku prososial seperti membantu dan memberi sokongan kepada orang lain. Beliau juga berpendapat bahawa orang yang mempunyai lebih empati akan cenderung menunjukkan tingkah laku prososial untuk memahami dan merasakan keperluan orang lain (Feshbach, 1982 dalam kajian Zaki, J. 2019).

Teori Empati daripada Batson juga mendefinisikan empati sebagai tindak balas emosi yang bersesuaian dengan keadaan dan pengalaman yang dirasai oleh orang lain. Batson juga menyatakan bahawa empati dapat memupuk semangat menolong yang bertujuan untuk memberikan dorongan dan mencapai matlamat empati. Teori ini juga menyatakan bahawa sikap empati terhadap orang lain cenderung wujudnya tindakan altruistik yang bertujuan untuk membantu individu tanpa mengharapkan ganjaran. Dalam teori ini juga mempunyai model empati- Altruisme yang mencadangkan bahawa empati mewujudkan sikap keperihatinan altruistik yang membawa kepada tindakan prososial. Model ini mempunyai 3 tahap iaitu mengalami empati, membangkitkan keperihatinan altruistik dan tindakan altruistik (Batson, C. D., & Ahmad, N. Y. 2019).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian tinjauan kuantitatif berbentuk rentas (*cross-sectional*), di mana data dikumpulkan daripada individu terpilih dalam satu tempoh masa tertentu. Kajian tinjauan memungkinkan entiti dalam kelompok yang dikaji diperiksa secara menyeluruh dan mendalam. Selain itu, data dapat dikumpulkan dengan cepat dan dalam masa yang singkat tanpa memerlukan kos yang tinggi. Creswell (2014) menjelaskan bahawa kajian rentas adalah salah satu pendekatan yang dapat memberikan bukti kaitan dengan pembangunan tingkah laku prososial. Dalam kajian ini, borang soal selidik digunakan sebagai medium utama untuk mendapatkan maklumat berkaitan model kajian. Sampel terdiri daripada mahasiswa ijazah sarjana muda Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling tahun pertama di UPSI.

Kajian ini dijalankan di sebuah universiti di Malaysia iaitu Universiti Pendidikan Sultan Idris yang terletak di Tanjung Malim, Perak. Universiti ini dipilih sebagai lokasi kajian kerana ia menepati kriteria yang diinginkan oleh penyelidik bagi mencapai objektif dalam kajian ini. Kajian ini akan dilakukan pada mahasiswa ijazah sarjana muda pendidikan bimbingan dan kaunseling tahun pertama di UPSI. Bilangan mahasiswa ijazah sarjana muda bimbingan dan kaunseling tahun pertama adalah seramai 120 orang. Responden dipilih secara rawak untuk memastikan penyelidik dapat mengenal pasti ciri-ciri khusus sikap empati dan tingkah laku prososial dalam kalangan mahasiswa. Pemilihan mahasiswa ijazah sarjana muda bimbingan dan kaunseling tahun pertama di UPSI merupakan bakal warga pendidikan yang perlu mempunyai sikap empati dan tingkah laku prososial yang lebih baik.

Saiz sampel dalam kajian ini telah dikira menggunakan berdasarkan *Raosoft Software sample size calculator* iaitu alat dalam talian yang digunakan untuk mengira saiz sampel yang diperlukan dalam kajian statistik. Alat ini digunakan bagi membantu penyelidik menentukan jumlah peserta yang diperlukan untuk mencapai tahap ketepatan dalam kajian. Antara komponen dalam Raosoft Software sample size calculator adalah margin ralat, tahap keyakinan, saiz populasi dan taburan respon. Bagi populasi mahasiswa ijazah sarjana muda bimbingan dan kaunseling tahun pertama di UPSI adalah 120 orang. Pada taraf keyakinan 95 peratus, maka saiz sampel yang diperlukan untuk kajian semasa adalah 92 responden.

Instrumen kajian digunakan untuk mengumpulkan data yang bersesuaian dengan tujuan kajian. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan instrumen sedia ada yang terbahagi kepada 3 bahagian iaitu demografi, soal selidik *Interpersonal Reactivity Index* (IRI) yang dicipta oleh Davis (1980) dan soal

selidik skala *Prosocial Tendencies Measure* (PTM) oleh Carlo dan rakan (2010). Prosedur pengumpulan data yang teratur dan bersistem adalah penting untuk menentukan jawapan kepada soalan-soalan kajian. Proses pengumpulan data dimulakan dengan pengkaji mendapatkan kebenaran daripada Bahagian Penyelidikan UPSI. Instrumen kajian yang terlibat perlu dilampirkan bersama surat permohonan. Setelah mendapatkan kelulusan, pengkaji perlu berurus dengan Fakulti Pembangunan Manusia bagi memaklumkan dan mendapatkan kebenaran untuk mengadakan kajian. Analisis data dalam kajian ini menggunakan korelasi Pearson untuk mengenal pasti hubungan antara empati dan tingkah laku prososial menggunakan perisian komputer Statistical Packages for Social Science (SPSS 27).

DAPATAN KAJIAN

Ho1: Terdapat Hubungan Signifikan Antara Empati Dengan Tingkah Laku Prososial Dalam Kalangan Mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bimbingan Dan Kaunseling Tahun Pertama Di UPSI

Keputusan daripada jadual di bawah menunjukkan hubungan yang signifikan antara empati dengan tingkah laku prososial mahasiswa ijazah sarjana muda pendidikan bimbingan dan kaunseling tahun pertama di UPSI. Keputusan ini menunjukkan nilai korelasi ($r = .595, p \leq .05$). Secara keseluruhannya, terdapat hubungan signifikan yang positif antara empati dengan tingkah laku prososial adalah diterima.

Jadual 1 Ujian Korelasi antara empati dengan tingkah laku prososial

		Correlations	
		Empati	Tingkah Laku Prososial
Empati	Pearson Correlation	1	.595**
	Sig. (2-tailed)		.000
	N	92	92
Tingkah Laku Prososial	Pearson Correlation	.595**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	
	N	92	92

** Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

PERBINCANGAN

Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti hubungan antara empati dengan tingkah laku prososial dalam kalangan mahasiswa ijazah sarjana muda Pendidikan bimbingan dan kaunseling tahun pertama di UPSI yang telah dianalisis dengan menggunakan kolerasi person (r) untuk mengukur kekuatan dan arah hubungan linear antara dua boleh ubah. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat hubungan signifikan yang positif di antara empati dan tingkah laku prososial. Menurut Batson (2019), individu yang mempunyai empati yang tinggi menunjukkan ciri mempunyai kemampuan untuk berfantasi dan melibatkan diri secara imaginatif dalam situasi dan cerita. Perkara ini dapat meningkatkan empati dan mengalakkan tingkah laku prososial.

Menurut teori empati kebolehan membayangkan diri dalam situasi atau permasalahan orang lain dapat meningkatkan pemahaman dan kepekaan terhadap keperluan orang lain. Dapatkan kajian lepas juga menunjukkan terdapatnya hubungan signifikan yang positif empati dengan tingkah laku prososial (Sukeri et al., 2021). Berdasarkan hasil kajian ini dapat dilihat pentingnya empati dalam kalangan mahasiswa ijazah sarjana muda pendidikan bimbingan dan kaunseling di UPSI. Hal ini kerana kemampuan keupayaan untuk bakal kaunselor berfikir secara empati untuk membantu klien khususnya terhadap klien kanak-kanak.

Menurut Zheng, dan rakan-rakan (2021), individu yang mempunyai keperihatinan empati yang tinggi didapati lebih bersedia untuk membantu orang yang memerlukan dan memupuk lebih banyak usaha untuk aktiviti kesukarelawan. Keperihatinan empati yang tinggi yang dicirikan oleh kepercayaan

yang kuat terhadap prinsip penyayang bukan sahaja mengalakkan tingkah laku prososial tetapi mendorong individu mendapatkan sokongansosial. Oleh itu, dimensi ini menunjukkan mahasiswa ijazah sarjana muda pendidikan bimbingan dan kaunseling tahun pertama di UPSI mempunyai tingkah laku prososial terhadap orang sekeliling mereka.

Secara keseluruhannya, kajian ini telah memberikan implikasi terhadap kepentingan empati dengan tingkah laku prososial mahasiswa ijazah sarjana muda Pendidikan bimbingan dan kaunseling tahun pertama di UPSI. Sikap empati ini yang dimiliki oleh mahasiswa diharapkan dapat membantu mereka untuk menyumbang kebaikan kepada orang lain dalam pelbagai perkara. Kebolehan empati yang ada dalam diri mahasiswa juga dapat membantu dalam pengurusan konflik dan meningkatkan hubungan interpersonal dalam persekitaran kerja pada masa akan datang serta membantu mahasiswa dalam memahami dan mengatasi konflik dengan lebih berkesan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, hasil kajian ini menunjukkan hubungan signifikan yang positif antara semua dimensi empati dengan tingkah laku prososial dalam kalangan mahasiswa ijazah sarjana muda Pendidikan bimbingan dan kaunseling tahun pertama di UPSI. Seterusnya, kajian ini menunjukkan kepentingan empati dan tingkah laku prososial dalam bidang bimbingan dan kaunseling dimana kemampuan untuk memahami perasaan orang lain adalah perkara yang perlu diambil berat sebagai seorang kaunselor. Kajian ini juga menggariskan kepentingan Pembangunan empati dalam kalangan mahasiswa bimbingan dan kaunseling malah untuk kesejahteraan komuniti dan keberkesanan profession sebagai seorang kaunselor. Oleh itu, sikap empati dan tingkah laku prososial adalah sangat penting untuk mahasiswa bimbingan dan kaunseling mahupun mahasiswa bidang pengajian lain supaya dapat memahami dan saling hormat-menghormati antara satu sama lain.

RUJUKAN

- Batson, C. D., & Ahmad, N. Y. (2019). Altruism and Helping Behavior. In D. Matsumoto (Ed.), *The Cambridge Handbook of the Psychology of Altruism* (pp. 147-165). Cambridge University Press.
- Carlo, G., McGinley, M., Roesch, S. C., & Kaminski, J. W. (2008). Measurement invariance in a measure of prosocial moral reasoning to use with adolescents from the USA and Brazil. *Journal of Moral Education*, 37(4), 485–502.
- Carlo, G., Mestre, M. V., Samper, P., Tur, A., & Armenta, B. E. (2010). Feelings or cognitions? Moral cognitions and emotions as longitudinal predictors of prosocial and aggressive behaviors. *Personality and Individual Differences*, 48(8), 872–877.
- Creswell, J. W. (2014). *Research design. Qualitative, quantitative and mixed methods approaches*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- HOU Yongmei; ZHENG Que; ZHENG Zhongyi (2021). Prosocial Behaviour and its Relevant Factors among Undergraduates. *American Journal of Education and Learning*, 6(1): 16 27.
- Sukeri, N. F. A. M., Mahfar, M., & Sukor, M. S. M. (2021). Hubungan antara Empati dengan Tingkah laku Prosocial dalam kalangan Pelajar Kejuruteraan Universiti:[The Relationship between Empathy and Prosocial Behaviors among University Engineering Students]. *Sains Humanika*, 13(2-2).
- Zaki, J. (2019). *The War for Kindness: Building Empathy in a Fractured World*. Crown Publishing Group.
- Zheng S, Masuda T, Matsunaga M, Noguchi Y, Ohtsubo Y, Yamasue H, et al. (2021) Cultural differences in social support seeking: The mediating role of empathic concern. *PloS ONE* 16(12): e0262001. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0262001>.